

# Usah kkuatir lapor, isytihar pendapatan

Tuntut semua perbelanjaan perniagaan melalui pelepasan cukai yang layak

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Individu yang memperoleh pendapatan menerusi perniagaan perlu menjalankan tanggungjawab seperti individu lain dengan membayar cukai di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

HASiL dalam satu kenyataan menjelaskan, kategori dinyatakan itu antara Youtubers, Ins-

tafamous, pengengaruh media sosial atau individu membuat ulasan berbayar.

Menurut kenyataan itu, segelintir individu enggan melaporkan pendapatan mereka berikutan bimbang perlu membayar cukai dalam jumlah yang tinggi.

"HASiL mengenakan cukai pendapatan ke atas individu pada kadar sifar peratus hingga 30 peratus bergantung kepada jumlah pendapatan yang dilaporkan.

"Ini bermakna, semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukai dan sebaliknya. Jadi, tidak perlu bimbang untuk laporan pendapatan.

"Sebenarnya tiada jumlah minimum ditetapkan bagi individu yang mempunyai pendapatan perniagaan untuk dikenakan cukai ke atas pendapatan mereka.

"Mereka secara automatik ialah pembayar cukai dan perlu mendaftar fail cukai pendapatan sebaik saja perniagaan didaftarkan atau kerjaya dimulakan," menurut kenyataan itu.

**Cara kurangkan pendapatan bercukai**

Menurut HASiL, indi-

vidu juga boleh mengurangkan pendapatan bercukai dengan menuntut ke semua perbelanjaan perniagaan dan pelepasan cukai yang layak.

"Pembayar cukai itu boleh menuntut semua perbelanjaan yang dilakukan semata-mata untuk menghasilkan pendapatan perniagaan, tetapi tidak layak untuk menuntut perbelanjaan persendirian atau perbelanjaan berbentuk modal.

"Jadi sekiranya kurang pasti cara untuk mendaftar dan berminat mendapatkan khidmat nasihat percukaian secara berkumpulan mewakili syarikat, persatuan dan lain-lain, anda boleh memohon mengadakan taklimat secara bersemuka atau webinar dengan menghantarkan permohonan menerusi emel kepada [taxeducation@HASIL.GOV.MY](mailto:taxeducation@HASIL.GOV.MY)," menurut kenyataan itu.

Selain itu, untuk maklumat lanjut senarai pendapatan yang dikenakan cukai bagi individu, ia boleh dirujuk di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) dengan menaip kata kunci carian BILA DIKENAKAN CUKAI di halaman utama Portal Rasmi HASiL.



## Nikmati pelbagai inisiatif melalui pembayaran cukai

**Kuala Lumpur:** Individu yang enggan melaporkan pendapatan dimiliki melalui perniagaan disifatkan terlepas pelbagai peluang dan inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam satu kenyataan berkata, apabila seseorang itu melapor dan membayar cukai pendapatan, sepatutnya mereka akan mudah mendapat bantuan daripada kerajaan.

Menurut kenyataan itu, bantuan yang boleh diperolehi antaranya permohonan pembiayaan kewangan termasuk bagi tujuan pembelian rumah atau

kenderaan.

"Bukan itu saja, melalui pelaporan cukai pendapatan, anda juga menyokong usaha kerajaan dalam mentadbir dan mengurus negara serta membantu menampung perbelanjaan pembangunan negara.

"Ini termasuk bagi tujuan keselamatan, kemudahan fasiliti awam, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan rakyat dan banyak lagi manfaat cukai untuk dinikmati bersama," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, HASiL juga kini sedang melaksanakan Program Khas Pengakuan Su-

karela (PKPS) 2.0 untuk semua kategori (kecuali fail majikan) tanpa mengenakan penalti.

"Menariknya program yang sudah bermula dan akan tamat pada 31 Mei 2024, penalti yang dikenakan adalah pada kadar sifar peratus.

"Selain itu, semakin lanjut sama ada melalui audit atau siasatan tidak akan dilakukan terhadap tahun taksiran yang berkaitan dengan pendapatan yang dilaporkan secara sukarela.

"Jadi, jika anda pembayar cukai baharu dan sudah mempunyai perniagaan, pendapatan

### Langkah menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab

1. Daftar fail cukai pendapatan secara dalam talian menerusi aplikasi e-Daftar di [mytax.hasil.gov.my](http://mytax.hasil.gov.my) sekiranya masih belum mempunyai Nombor Cukai Pendapatan.
2. Laporan pendapatan menerusi perkhidmatan e-Filing di [mytax.hasil.gov.my](http://mytax.hasil.gov.my). Bagi individu pemastautin yang mempunyai punca pendapatan perniagaan, anda perlu memilih Borang B. Pilih Borang M sekiranya individu itu bukan pemastautin.
3. Bayar cukai pendapatan (sekiranya ada) menggunakan ByrHASiL juga di [mytax.hasil.gov.my](http://mytax.hasil.gov.my).
4. Pastikan anda ingat tarikh akhir penghantaran borang cukai bagi individu yang mempunyai punca pendapatan perniagaan iaitu selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Julai 2023 bagi pengguna e-Filing.
5. Jika sudah selesai lapor pendapatan dan bayar cukai anda, jangan lupa untuk simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan bagi tempoh tujuh tahun.
6. Pastikan anda sediakan akaun dan penyata bagi lain-lain pendapatan dan mematuhi Notis Bayaran Ansuran (CP500).
7. Maklumkan juga secara bertulis kepada HASiL sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlaku pertukaran ahli kongsi.

atau sudah melupuskan aset dan belum pernah melaporkan pendapatan, inilah masanya untuk anda laporkan cukai. Maklumat lanjut di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

"Ini adalah kewajipan ke atas mereka yang layak dikenakan

cukai berdasarkan undang-undang percukaian dan sekiranya sudah menjalankan tanggungjawab itu, anda sebenarnya membantu diri sendiri untuk mengesahkan pendapatan bagi tujuan urusan rasmi," menurut kenyataan itu.